



E-BULETIN EKSA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
EDISI OKTOBER - DISEMBER 2018

Lawatan Penanda Aras Amalan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)

Bahagian Pengurusan Latihan selaku Jawatankuasa Induk Latihan telah mengadakan lawatan penanda aras Amalan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) peringkat Ibu Pejabat, Kementerian Kesihatan Malaysia pada 25 Oktober 2018. Lawatan tersebut bertujuan untuk memperelajari dan memahami cara-cara amalan EKSA di Sektor Swasta. Amalan EKSA bukan saja diamalkan oleh sektor Awam malah juga diamalkan oleh sesetengah sektor swasta di Malaysia.



Hari Kitar Semula Anjuran Zon Kesihatan bersama Kelab Jurnal Program Kesihatan Awam



Ceramah oleh Alam Flora



Pameran dan kuiz

Zon Kesihatan dengan kerjasama Kelab Jurnal Program Kesihatan Awam telah menganjurkan Hari Kitar Semula pada 2 Oktober 2018 bertempat di lobi Aras 2 Bahagian Pendidikan Kesihatan Blok E. Antara aktiviti yang dijalankan adalah:

1. Ceramah oleh Alam Flora bertajuk "Kitar Semula - Jom Asingkan"
2. Pameran
3. Pertandingan kuiz - Kuiz Kitar Semula, Teka Berat dan Teka Silang Kata
4. Penjualan barangan kitar semula



Pemenang Kuiz Kitar Semula



Pemenang Kuiz Teka Berat



Penjual barangan kitar semula



Pemenang Teka Silang Kata



Hasil jualan kitar semula

Taklimat Pemantapan EKSA DIY Di Kementerian Kesihatan Malaysia



Bahagian Pengurusan Latihan selaku Jawatankuasa Induk Latihan telah mengadakan Taklimat Pemantapan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) secara sendiri (DIY) peringkat Ibu Pejabat, Kementerian Kesihatan Malaysia pada 15 November 2018. Penceramah yang hadir untuk memberi ceramah kepada wakil KKM ialah Puan Zuasma Binti Yahaya dari Bahagian Perundingan Pengurusan 2, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Taklimat dari pihak MAMPU tersebut bertujuan untuk menyampaikan secara terus kepada penyelarass EKSA KKM yang hadir mengenai maksud dan cara pengurusan EKSA secara mendalam. Pada masa yang sama, penyelarass EKSA KKM boleh menuju terus soalan mengenai EKSA kepada pihak MAMPU untuk mendapat jawapan yang lebih tepat mengenai EKSA.



Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Amalan EKSA



Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Amalan EKSA Bil. 2 /2018 telah diadakan 21 Disember 2018 di Bilik Gerakan, Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Amalan EKSA bertujuan untuk melaporkan semua aktiviti yang telah dilaksanakan oleh 3 Jawatankuasa Induk, iaitu Promosi, Audit dan Latihan. Selain itu, Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Amalan EKSA juga telah memaklumkan mengenai Pensijilan Semula Sijil EKSA KKM oleh Pihak MAMPU yang telah tamat tempoh pada Oktober 2018. Pihak MAMPU akan datang audit KKM pada Januari 2019.





SIDANG PENGARANG E-BULETIN EKSA KKM

Penasihat

YBhg. Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

Ketua Pengarang

Puan Yamuna Perimalu

Pengarang

Za'aba Hj. Abu Bakar
Nor Suraiti bt Madianuddin
Mona Ang
Mohd Iswandy bin Wally

Sidang redaksi e-Buletin EKSA KKM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan pengurusan tertinggi KKM dan semua bahagian di KKM yang menjayakan penerbitan e-Buletin EKSA KKM Edisi Oktober-Disember 2018.




Sidang Redaksi e-Buletin KKM
Unit Komunikasi Korporat
Aras 4, Blok E7
Kementerian Kesihatan Malaysia, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya Malaysia.

Tel : 03-8883 3481 / 3675
Faks : 03-8888 6187
E-mel : mona.ang@moh.gov.my



<https://www.facebook.com/EKSA.KKM/>



Tahukah anda **TANDA ARAH**



perlu diletakkan pada
"ARAS MATA" (150 cm - 160 cm)
dan warna tanda arah
MERAH



Jawatankuasa Promosi Induk EKSA IPKKM



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Aras 4, Blok E7, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62590 Putrajaya Malaysia.

2018